Soalan 1 hingga 9

*Tulis jawapan **A,B,C atau D dalam kotak** dengan jawapan yang* **paling sesuai**.

1 "_____ akan menyertai program senam seni itu," kata Farah dan Alia kepada gurunya.

A Dia
B Kita
C Kami
D Mereka

2 Suasana pada malam itu sangat indah apabila dihiasi oleh bintang yang _____ di langit.

A berkilau-kilauan
B berkelip-kelipan
C bersahut-sahutan
D berkicau-kicauan

3 Syarikat Seri Megah memerlukan belia yang berkelayakan untuk bekerja _____ mereka.

A pada
B demi
C dengan
D sehingga

Soalan 4 *berdasarkan gambar di bawah.*



4 Puan Azida sedang menumbuk cabai burung menggunakan lesung batu di _____ ruang dapur rumahnya.

A sudut
B antara
C hujung
D belakang

5 "Rasa pisang rastali yang belum cukup masak agak _____ sedikit," kata emak kepada anak-anaknya.


A kelat
B pahit
C tawar
D masam

6 "Jagalah _____ kamu apabila bercakap dengan orang yang lebih tua daripada kamu," pesan Cikgu Faiz kepada anak didiknya.

A tutur kata
B tutur nista
C tutur bicara
D tutur bahasa

LIVEWORKSHEETS

Soalan 7 *berdasarkan gambar di bawah.*




7 Puan Joanne Lim terpaksa _____ air menggunakan dapur gas kerana cerek elektriknya baru sahaja rosak.

A merebus
B menanak
C mengukus
D menjerang

8 Pasukan ragbi sekolah kami berjaya _____ pasukan sekolah lawan dalam pertandingan akhir peringkat Daerah Bagan Datuk.

A melalaikan
B mengecilkan
C meninggalkan
D menundukkan

Soalan 9 *berdasarkan gambar di bawah.*



9 Se _____ lanun berjaya ditangkap oleh pihak berkuasa di perairan Selat Melaka hasil maklumat daripada para nelayan.

A kawan
B pasang
C pasukan
D gerombolan

10 Perajurit sanggup berjuang bermati-matian untuk mempertahankan kedaulatan tanah air tercinta. Pengorbanan mereka amat besar kepada bangsa, agama, dan negara.

Peribahasa yang sesuai untuk pernyataan di atas ialah

A biar lambat, asal selamat
B biar mati anak, jangan mati adat
C biar putih tulang, jangan putih mata
D biar pecah di perut, jangan pecah di mulut

LIVEWORKSHEETS

11 Pemandu kenderaan diingatkan supaya senantiasa berwaspada ketika berada di jalan raya semasa musim perayaan.

Pilih **perkataan antonim** *bagi* berwaspada.

A lalai
B tegas
C cermat
D prihatin

12 *Pilih* **kata tanya** *yang sesuai bagi jawapan yang diberikan*.

"Ya, Shafiq Rizky murid yang cerdik. Dia selalu sahaja mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan.

A Mengapakah Shafiq Rizky cerdik dan cemerlang?
B Bagaimanakah keputusan peperiksaan Shafiq Rizky?
C Benarkah Shafiq Rizky murid cerdik yang cemerlang?
D Siapakah murid cerdik yang mendapat keputusan cemerlang?

Soalan 13

Pilih penggunaan **kata penguat bergaris** *dalam ayat dengan* **betul**.

13 **A** Selepas hujan lebat, keadaan jalan raya terlalu licin sekali.
B Nur Fadhilah sungguh gemar sekali minum air kelapa muda.
C Kasut yang dipakai oleh adik perempuannya itu terlalu besar benar.
D Sungai Kinta adalah antara sungai yang paling terpanjang di negeri Perak.

Soalan 14

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** *dengan* **betul**.

14 I Pagi itu air Laut Cina Selatan kelihatan tenang sahaja.
II Bot yang dinaiki Hamidi dan Pak Kassim kelihatan tenang.
III Abang memperoleh tenang semasa bercuti di Pulau Tioman.
IV Berjoging dan bersenam dapat membuatkan fikiran kita tenang.

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Soalan 15 dan 16

Pilih ayat yang **betul**.

15 **A** Semua anggota-anggota persatuan pengakap dikehendaki hadir pada petang ini.
B Suka dan duka sudah menjadi lumrah dalam kehidupan yang mesti kita harungi.
C Kerusi dan meja di dalam dewan petang semalam kami telah susun dengan kemas.
D Pak Din amat meminati koleksi lagu-lagu allahyarham Dato' Sudirman Haji Arshad.

LIVEWORKSHEETS

16 I Fadil sedang melintas jalan sambil menonton tangan neneknya.
II Bau minyak wangi yang dicalitkan ibu ke bajuku sungguh harum.
III Di bahagian timur pulau itu tanahnya subur dan sesuai untuk pertanian.
IV Harga kain sutera import dari Korea lebih mahal dari kain sutera tempatan.

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Soalan 17

Pilih ayat yang **sama maksud** *dengan ayat yang diberikan.*

17 Encik Krim amat gembira kerana ramai tetamu menghadiri majlis persaraannya.

A Gembira amat Encik Karim kerana tetamu majlis ramai menghadiri persaraannya.
B Encik Karim amat gembira kerana majlis persaraannya dihadiri oleh ramai tetamu.
C Majlis persaraannya dihadiri dengan amat gembira oleh ramai tetamu Encik Karim.
D Ramai tetamu amat gembira kerana dapat menghadiri majlis persaraan Encik Karim.

Soalan 18 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

MEMOHON KEBENARAN MELAWAT KILANG PERCETAKAN AKHBAR HARIAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk. Saya bagi pihak Persatuan Bahasa Melayu, Sekolah Kebangsaan Kampong Bahagia, Teluk Intan berhasrat untuk mengadakan lawatan sambil belajar ke tempat tuan seperti maklumat di bawah ini.

Tempat: **Akhbar Sinar Harian (M) Berhad**
Masa: **Dijangka sampai pada pukul 11:30 pagi**
Tarikh: **27 Mac 2021 (Sabtu)**
Peserta: **40 orang murid dan 5 orang guru pengiring**

2. Persatuan Bahasa Melayu, SK Kampong Bahagia menganjurkan lawatan sambil belajar ke kilang percetakan tuan adalah untuk:

2.1 meluaskan pengetahuan dan pengalaman murid
2.2 melihat sendiri bagaimana berita disunting dan dicetak
2.3 mengetahui tentang kerjaya yang boleh diceburi dalam bidang percetakan

3. Sehubungan dengan itu, kami amat berharap semoga tuan boleh memberikan keizinan dan menerima kami untuk melawat ke kilang percetakan tuan. Kami juga ingin melihat cara-cara berita diproses sehingga menjadi senaskhah surat khabar.

18 Berapakah bilangan peserta yang akan menyertai lawatan sambil belajar itu?

A 40 orang
B 45 orang
C 48 orang
D 50 orang

LIVEWORKSHEETS

19 Peranan utama yang dilaksanakan oleh Akhbar Sinar Harian (M) Berhad adalah untuk

A menyebarkan berita dan maklumat
B mendidik masyarakat gemar membaca
C memasarkan akhbar kepada orang ramai
D memastikan berita sampai kepada masyarakat

20 Berikut adalah antara tujuan utama dan matlamat lawatan sambil belajar, **kecuali**

A melihat cara-cara berita diproses, disunting dan dicetak
B mengetahui peluang kerjaya dalam bidang percetakan akhbar
C menambah ilmu pengetahuan baharu dalam kalangan murid dan guru
D mendapatkan ruang iklan percuma di Akhbar Sinar Harian (M) Berhad

BAHAGIAN B

Soalan 21

(a) *Perkataan bergaris dalam ayat-ayat di bawah* **salah penggunaannya**.
Tulis **perkataan yang betul** *dalam ruangan yang disediakan,*

(i) Kakak berasa sangat seram sekali apabila dia terdengar bunyi salakan anjing **di** waktu tengah malam.

_____

(ii) Nur Azwar Azamuddin bermain helikopter kawalan jauh **tetapi** tersenyum gembira pada petang itu.

_____

(iii) **Mahaguru** Jepun dan pemaisurinya akan mengadakan lawatan rasmi ke beberapa buah negara di rantau Asia Tenggara.

_____

[**3** *markah*]

LIVEWORKSHEETS

(b) Tandakan (/) di dalam petak yang disediakan bagi mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini.

(i) "Saya baru sahaja menerima se _____ kad ucapan selamat hari lahir daripada Mia Arisya," kata Adella.

helai		keping		bidang	

(ii) Puan Kamazura menjamu tetamunnya dengan tiga _____ anggur dan beberapa _____ cempedak goreng.

ikat biji		gugus ulas		tangkai ketul	

[**2** *markah*]

(c) Tuliskan jawapan **kata kerja** *yang paling sesuai bagi ayat di bawah.*

(i) Pelari maraton itu sempat _____ air mineral yang disediakan untuk menghilangkan dahaga. (menuang, meneguk, menyuap)

(ii) Pak Din _____ batang pokok kelapa itu bagi memudahkan dia memanjat pokok tersebut. (menakik, mengerat, menggaris)

[**2** *markah*]

(d) Lengkapkan frasa berikut supaya menjadi **peribahasa** *yang betul.*

Roti	kuman	serangga	kapas

(i) Kek pandan yang dibelinya itu gebu seperti _____

(ii) Tulisan adik tidak dapat dibaca kerana halus seperti _____

[**2** *markah*]

LIVEWORKSHEETS

Soalan 22

(a) Tandakan (/) pada ayat yang **betul** *dan (X) bagi ayat yang* **salah**.

(i)	Beliau merupakan salah seorang penjenayah yang amat dikehendaki oleh pihak polis.	
(ii)	Para pelanggan sanggup beratur panjang untuk membeli goreng pisang rangup di gerai itu.	
(iii)	Roslan dan kawan-kawan-kawannya sedang menelaah pelajaran di pusat sumber sekolah mereka.	
(iv)	Enam orang pekerja buruh memperdalam parit bagi mengelakkan banjir kilat berlaku di kawasan itu.	
(v)	Kumpulan pemikir itu sedang membincangkan tentang masalah disiplin dan gejala buli dalam kalangan pelajar.	

[**5** *markah*]

Soalan 23

(a) Pilih perkataan yang **paling sesuai** *untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat di bawah.*

model	**bertanda**	**disediakan**	**membakar**
modul	**mendarat**	**dikemukan**	**membasmi**

(i) Kebanyakan soalan Matematik yang _____ dalam peperiksaan pada kali ini agak mencabar.

(ii) Alia sedang menyiapkan _____ kincir angin untuk menyertai pertandingan reka cipta di sekolahnya.

(iii) Penduduk kampung itu berusaha _____ tempat pembiakan nyamuk aedes di sekeliling rumah mereka.

(iv) Cikgu Muhammad Hafis menggunakan beberapa timbun pasir untuk membuat kawasan _____ bagi acara lompat jauh.

[**4** *markah*]

LIVEWORKSHEETS

Soalan 24

*(**a**). Baca maklumat di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.*

RESIPI CENDOL PULUT, JAGUNG DAN KACANG MERAH

Bahan-bahan

1. 250 gram cendol
2. Setin kacang merah
3. Setin jagung manis
4. 200 gram pulut
5. 2 liter pati santan
6. 1 liter sirap gula merah
7. 4 liter air mineral
8. Sedikit garam
9. Ais kiub secukupnya



Cara-cara membuatnya

1. Basuh pulut dan toskan. Masukkan pulut dalam periuk, isikan 1 liter air mineral, ½ liter pati santan. Tanak 25 minit atau hingga masak.
2. Sediakan bekas minuman. Masukkan 3 liter air mineral, 1½ liter pati santan, 1 liter sirap gula merah, 250 gram cendol, sedikit garam, ais kiub, dan kacau.
3. Pulut, kacang merah dan jagung manis disediakan berasingan. Boleh ditambah ke dalam air cendol mengikut kesukaan atau kegemaran masing-masing.

(i). Nyatakan bahan yang tidak menggunakan sukatan tertentu untuk membuat cendol pulut, jagung dan kacang merah.

1. _____

2. _____

[**2** *markah*]

(ii). Jika peniaga cendol berkenaan telah kehabisan pati santan, apakah bahan lain yang sesuai untuk menggantikannya?

1. _____

2. _____

[**2** *markah*]

LIVEWORKSHEETS

Soalan 24

*(**b**). Nyatakan* **betul** *atau* **salah** *bagi* ***frasa bergaris*** *dalam ayat di bawah ini.*

Contoh:

Masalah pencemaran Sungai Kinta itu telah dibincangkan dalam mesyuarat yang lalu. — **betul**

(i) Alif Aiman menggunakan telefon dail terus untuk menghubungi kakaknya di London. — ☐

(ii) Pusat pulih baik kereta Mercedes itu telah mula beroperasi lebih setahun yang lalu. — ☐

(iii) Abang Adi menghadiahi adik basikal baharu sempena hari ulang tahun kelahirannya yang kesepuluh. — ☐

(iv) Matlamat Kem Waja Diri Semangat Jati tersebut adalah melatih murid-murid supaya boleh berdikari. — ☐

[**4** *markah*]

Soalan 25

Baca dan teliti jadual di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya menggunakan ayat yang lengkap.

Butiran di bawah menceritakan hobi, cita-cita, sukan kegemaran, mata pelajaran yang disukai serta keahlian kelab bagi lima orang murid. Mereka belajar dalam satu kelas yang sama namun, mereka ada persamaan dan perbezaan bagi lima kategori yang disenaraikan seperti jadual**:**

Butiran	**Razman**	**Raj Kumar**	**Chong Beng**	**Jamilah**	**Kuldip Singh**
Hobi	Bersukan	Bersukan	Mengumpul setem	Melancong	Membaca
Cita-cita	Atlit Negara	Pegawai Bank	Akauntan	Pramugari	Doktor
Sukan Kegemaran	Bola Sepak	Badminton	Badminton	Bola Jaring	Badminton
Mata Pelajaran	Sains	Matematik	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Sains
Keahlian Kelab	Bola Sepak	Bahasa Inggeris	Matematik	Kembara	Sains

LIVEWORKSHEETS